

قَتِيْقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"SEMUA program adalah wajar bersifat ilmiah dan bercorak inklusif serta mampu untuk merentasi semua generasi. Tujuan kita dengan ini, ialah supaya semua peringkat, secara sambung bersambung, akan dapat memahami erti sebenar kemerdekaan."

- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33, Tahun 2017.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu, sedang kamu mengetahui." - (Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Anfaal, ayat 27).

Waktu Sembahyang

IMSAK

5.03

SUBUH

5.13

SYURUK

6.30

DUHA

6.52

ZUHUR

12.33

ASAR

3.47

MAGHRIB

6.33

ISYAK

7.42

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 28

6 MAC 2017 / 1438 جمادى الآخر 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Brunei - Arab Saudi tingkatkan kerjasama pelbagai bidang

Oleh : Khartini Hamir, Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman,
Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi bersetuju menekankan kepentingan dalam meningkatkan penyelarasan dan kerjasama dalam bidang keselamatan politik, ketenteraan dan hal ehwal Islam di antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin juga mengalu-alukan keputusan hasil dari Mesyuarat Jawatankuasa Ekonomi Arab - Brunei Bersama yang akan diadakan pada akhir tahun ini, dengan keputusan yang akan menjamin ekonomi dan meningkatkan kerjasama sektor swasta kedua-dua negara.

Perkara itu terkandung dalam Kenyataan Bersama pada Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi selama sehari ke negara ini.

Dalam kenyataan tersebut, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah memuji usaha yang dilakukan oleh Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi dalam perkhidmatan dua Masjid Suci dan jemaah serta pengunjung termasuk dari Brunei Darussalam.

Kedua-dua ketua negara juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa termasuk perkembangan terbaharu di Timur Tengah.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah. (Lihat muka 3, 4, 5, 6 dan 7).

NBD destinasi pertama Larian Baton Bangkit Bersama

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Negara Brunei Darussalam telah terpilih sebagai negara pertama bagi menjayakan Larian Baton Bangkit Bersama sempena Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9 yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff berkata, pemilihan tersebut merupakan satu penghargaan yang besar dan secara tidak langsung mencipta sejarah dalam penyertaan

Negara Brunei Darussalam ke sukan berkenaan.

"InsyaAllah, seperti tahun-tahun sebelumnya, negara akan menyertai acara sukan yang berprestij itu bagi sama-sama menjayakan semangat Sukan SEA 2017," kata Yang Berhormat kepada pemberita pada Sidang Media yang berlangsung di Horizons Seafood Restaurant, di ibu negara, selepas berakhirnya acara larian baton, di sini.

Menurut Yang Berhormat, setiap persatuan yang terlibat telah pun diarahkan untuk mempersiapkan para atlet bagi pemilihan dan prosedur-prosedur lain seperti ujian sebagai persediaan bagi menyertai sukan tersebut.

Yang Berhormat menambah, persatuan-persatuan dan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan pada masa ini sedang gigih dalam membuat fasa penilaian dan penentuan.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin yang turut menghadiri sidang media tersebut berkata bahawa beliau sangat kagum dengan komitmen dan semangat rakyat negara ini dalam menyambut idea larian baton peringkat pertama itu.

Ke muka 20



Muka 8

BERANGKAT ke Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC 2017



Muka 9

BERANGKAT mendahului Larian Baton Sukan SEA Ke-29

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Warga guru, ibu bapa kunci kejayaan pelajar

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada acara ramah mesra petang ini bagi meraikan hasil usaha kita terutama sekali guru-guru yang telah bekerja keras, komited dan berdedikasi khususnya dalam menjalankan Inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan.

Kita telah lama menghadapi cabaran semasa yang mana arus dan lanskap pendidikan menjadi semakin kompetitif dan dinamik. Oleh itu, adalah penting bagi kita untuk sama-sama bergerak maju ke hadapan seiring dengan perkembangan ini dan mengharungi cabaran-cabaran dengan meningkatkan kualiti. Bermula tahun 2015, kita telah menyaksikan transformasi pendidikan dengan adanya pelaksanaan Inisiatif Pendidikan Rendah (Primary Education Initiatives atau PEI). Hasilnya, peningkatan sebanyak 3.1 peratus pelajar kita memperolehi Gred A hingga C pada tahun 2015 dari PSR 2014, iaitu pencapaian yang tertinggi (67%) sejak SPN21 diperkenalkan. Pencapaian ini telah mencerminkan usaha seluruh warga Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing terutama sekali tenaga pengajar untuk mendidik anak-anak bangsa dan memastikan mereka mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Walau bagaimanapun bagi PSR 2016, pencapaian kita meningkat hanya sedikit, menunjukkan bahawa masih banyak yang perlu kita mantapkan untuk kejayaan meningkatkan pada kadar yang memuaskan.

Dengan kejayaan yang telah kita perolehi dari pelaksanaan inisiatif Pendidikan Rendah itu, maka Kementerian seterusnya telah mengambil langkah pada tahun ini untuk melartikan pelaksanaan Inisiatif yang sama ke sekolah-sekolah menengah.

Peramba / saya percaya dengan adanya usaha-usaha dan kolaborasi di semua peringkat sekolah Rendah dan Menengah ini dapat memastikan Visi Kementerian dapat tercapai, insyaaAllah.

Tetapi inisiatif-inisiatif itu hanyalah satu langkah pembaikan. Ia masih bergantung kepada guru-guru, murid / pelajar itu sendiri dan ibu bapa. Sebagai guru kita sewajibnya mempunyai komitmen yang tinggi dan dedikasi mendalam untuk memastikan tidak ada anak didik kita yang tertinggal tidak dapat mengikuti atau memahami apa yang kita ajarkan dalam kelas, memastikan setiap pelajar yang akan berpindah ke tahun seterusnya sudah dilengkapi dengan ilmu yang sepatutnya, dan memastikan pelajar yang akan menduduki peperiksaan berkeyakinan untuk lulus. Setentunya kanak-kanak itu sendiri mesti mempunyai iltizam yang tinggi untuk berjaya, diasuh dari rumah oleh ibu bapa,



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada Majlis Penghargaan Inisiatif Pendidikan Rendah Tahun 2015 / 2016 dan Ramah Mesra Bersama Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari Selasa 10 Jamadilawal 1438 Hijrah bersamaan 7 Februari 2017 Masihi, bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

memiliki pendekatan positif tentang pembelajaran, semangat belajar yang tidak mengenal bosan, bersedia memberi waktu untuk mengulang kaji pelajaran di rumah. Justeru itu, kita semua, termasuk pihak sekolah serta guru-guru, menekankan betapa pentingnya peranan ibu bapa memantau dan membantu pelajaran anak-anak mereka di rumah, sebagai mendorong dan menekankan lagi kepentingan persekolahan dan pembelajaran.

Kejayaan PEI adalah bukti kerjasama dan usaha padu yang telah dibina di antara Focus Area Champions, Ketua-ketua Kluster, dengan pemimpin-pemimpin sekolah terutama sekali guru-guru yang telah bekerja keras dalam memastikan implementasi inisiatif ini berjalan dengan lancar seperti yang dihasratkan.

Peramba / saya percaya dedikasi dan keyakinan tinggi yang ditunjukkan oleh guru-guru tidak lain adalah untuk kebaikan negara jua.

Saya difahamkan bahawa ramai guru-guru di sini telah mengorbankan masa serta tenaga demi mendidik pelajar-pelajar tanpa mengira waktu. Guru-guru seperti inilah harus dicontohi, yang mana ada antara guru-guru yang terus mengadakan kelas-kelas tambahan intensif atau intervensi pada hari minggu, di waktu petang, di rumah mereka sendiri serta mengadakan kelas intensif di sebelah malam bagi pelajar-pelajar yang tinggal di asrama

Maktab Duli. Ini merupakan pelaburan kita yang tidak ternilai demi melahirkan generasi yang berwawasan, ibu bapa yang lebih bertanggungjawab serta rakyat yang akan menyumbang kepada negara dan bangsa.

Hanya Allah Subhanahu Wata'ala yang akan memberi ganjaran pahala selayaknya. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda, "Sesungguhnya Allah dan para Malaikat, serta semua makhluk di langit dan di bumi, sampai semut dalam lubangnya dan ikan (di lautan), benar-benar bersalawat / mendoakan kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan (ilmu agama) kepada manusia". Lihatlah, betapa tingginya ganjaran rahmat yang diberikan kepada guru-guru yang ikhlas dalam menyebarkan ilmu pengetahuan ini.

Tambahan pula, cabaran dan ekspektasi seorang guru semakin besar. Untuk menjadi seorang guru bukan hanya bergantung kepada ilmu pengetahuannya, bahkan cabaran yang paling besar adalah untuk memastikan keupayaan pelajar-pelajar menggunakan pengetahuan yang dipelajari dapat diaplikasi ke dunia luar (Bloom's Taxonomy tahap 4). Dan kita warga guru adalah kunci kepada semua ini.

Selain itu, kita juga ada mendengar guru-guru merasa *burnt-out*. Ini kerana kerjaya yang mulia sebagai seorang guru memerlukan banyak tuntutan yang mencabar. Kajian antarabangsa telah mendapati bahawa untuk meningkatkan keberkesanan guru, keyakinan yang ditonjolkan oleh para guru boleh mempengaruhi sikap pembelajaran pelajar. Pola fikir guru-guru yang positif dan sukses atau mempunyai "Growth Mindset", menghendaki kita sentiasa berasa optimistik bahawa setiap pelajar mampu berjaya dan berkembang. Sikap seperti inilah harus ditanam di jiwa kita dan sepatutnya ditunjukkan kepada pelajar-pelajar. Sekali gus, dengan adanya *mindset* ini setentunya akan mendorong pembelajaran di dalam kelas menjadi menarik dan menyeronokkan.

Kementerian Pendidikan sentiasa komited dalam memberi sokongan yang diperlukan oleh guru-guru. Usaha-usaha seperti mendatangkan Pembimbing Antarabangsa (International Coaches) adalah salah satu daripada pelaburan kerajaan bagi tujuan ini. Pada tahun ini, kita akan dapat melihat pembimbing antarabangsa terlibat dalam memberi sokongan kepada guru-guru di bilik-bilik darjah terutamanya di sekolah-sekolah kerajaan. Ia adalah bagi maksud untuk melengkapkan dan mengemaskini guru dengan pengetahuan pedagogi yang terkini dan relevan. Saya pasti kita semua akan bersedia untuk mempelajari ilmu dan kemahiran sebanyak mungkin yang diperolehi dari *International Coaches* (Pembimbing Antarabangsa) itu nanti.

Ke muka 13

Dari Sidang
Pengarang.

6 MAC 2017 BERSAMAAN 1438 جمادى الآخر 7

WUJUDKAN PERANCANGAN LEBIH PROFESIONAL

DALAM tempoh 63 tahun Jabatan Penjara telah menyaksikan beberapa perkembangan dan kemajuan dari segi sistem kepenjaraan yang berbeza dari awal penubuhannya. Pada peringkat awal fungsi Jabatan Penjara lebih berbentuk pemenjaraan dan penghukuman namun telah mulai berubah kepada konsep pemulihan dengan penambahbaikan peraturan-peraturan penjara. Di samping itu, masyarakat hari ini juga ingin melihat proses pemulihan yang dijalankan di luar tembok penjara dengan penglibatan bersama yang lebih aktif daripada kalangan komuniti melalui pendekatan program-program perkhidmatan seliaan (aftercare) yang lebih efektif.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang semasa berucap pada Majlis Perbarisan Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-63 baru-baru ini di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara.

Jabatan Penjara jelas Yang Berhormat, harus berusaha membuat perancangan yang lebih profesional dalam semua aspek pengurusan organisasinya, terutama dalam hal ehwal pemulihan banduan dengan memastikan penurunan kadar residivis, iaitu kadar kemasukan banduan berulang kali ke penjara pada setiap tahun tercapai.

"Kita sedar bahawa masyarakat luar menaruh harapan dan peka kepada peranan pemulihan yang dimainkan oleh Jabatan Penjara agar dapat melahirkan bekas banduan yang terlatih serta lebih mantap sahsiahnya," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, pihak penjara perlu sentiasa memikul amanah dengan memastikan tanggungjawab memulihkan banduan melalui program pemulihan yang efektif terlaksana mengikut pelan strategik jabatan dan sasaran Key Performance Indicators (KPI's) yang ditetapkan selaras dengan wawasan kerajaan dan harapan atau ekspektasi masyarakat, keluarga para banduan.

Penyediaan rancangan-rancangan berbentuk kerohanian jelas Yang Berhormat, bukan sahaja dapat membimbing para banduan mempelajari asas pengetahuan agama Islam untuk memantapkan diri mereka sebagai seorang Muslim tetapi juga berjaya melahirkan para lepasan banduan yang sudah mampu menjadi marbut dan bilal di beberapa buah masjid.

Justeru itu, Yang Berhormat sangat menghargai akan pendekatan yang sedang digunakan oleh Jabatan Penjara, iaitu pendekatan kerohanian, kemahiran dan kemasyarakatan. Pendekatan para banduan kepada kemahiran-kemahiran tertentu dengan bantuan agensi-agensi swasta dan kerajaan telah meningkatkan lagi keyakinan diri para banduan dalam memulakan penghidupan baharu yang lebih cerah dalam masyarakat di samping sokongan dan kerjasama daripada kaum keluarga, rakan taulan dan semua pihak dalam masyarakat adalah sangat mustahak.

Dalam pada itu, kewujudan Jabatan Penjara sebagai sebuah organisasi keselamatan dan pemulihan, khususnya sebagai salah satu rakan kongsi dalam sistem keadilan jenayah adalah amat penting dan kritikal yang mana jabatan perlu berdepan dengan cabaran jenayah masa kini yang bersifat global dan lebih kompleks dengan berbagai corak jenayah berisiko.

Bagi menjayakan usaha tersebut, Yang Berhormat menyeru seluruh warga Jabatan Penjara agar sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta bersiap sedia dalam menerokai pengalaman baru, berinovatif dan berdaya tahan mempelajari amalan-amalan terbaik, melipatgandakan komitmen ke arah meningkatkan keupayaan, kewibawaan dan kredibiliti masing-masing.

Tahniah kepada warga Jabatan Penjara yang telah menerima sijil dan hadiah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara bagi Tahun 2016. Semoga dengan penganugerahan tersebut akan menjadi pemangkin kecemerlangan bagi anggota yang lain agar sentiasa komited dengan tugas yang telah diamanahkan. - Ketua Penyuntingan (Rd).

Bamalan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
DAERAH SERI BEGAWAN		
31°C / 25°C	31°C / 24°C	32°C / 24°C
MUARA		
31°C / 26°C	31°C / 25°C	32°C / 25°C
PERKAR DANGAR		
31°C / 25°C	31°C / 24°C	32°C / 24°C
PEKAN TUTONG		
31°C / 26°C	31°C / 24°C	32°C / 25°C
PERKAN SERIA		
31°C / 26°C	31°C / 25°C	32°C / 24°C
WILAYAH BELAIT		
31°C / 26°C	31°C / 25°C	32°C / 25°C



WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

Masihi MAC	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	ISNIN	7	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33	7.42
7	SELASA	8	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
8	RABU	9	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
9	KHAMIS	10	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	JUMAAT	11	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42
11	SABTU	12	5.01	5.11	6.28	6.51	12.31	3.44	6.32	7.41
12	AHAD	13	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC

2380214



TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC
2380214

Brunei - Arab Saudi tingkatkan kerjasama pelbagai bidang



Dari muka 1

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud juga menekankan kepentingan dalam mencapai penyelesaian yang berkekalan, menyeluruh dan adil pada perjuangan rakyat Palestin mengikut kandungan Inisiatif Keamanan Arab dan keputusan legitimasi antarabangsa yang berkaitan.

Kedua-dua pemimpin seterusnya menekankan keperluan dan kepentingan mencari penyelesaian politik yang berterusan pada Krisis Syria mengikut Deklarasi Geneva (1) dan Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu No. 2254 serta kepentingan

menyediakan bantuan kemanusiaan dan bantuan bagi pelarian Syria.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud juga menekankan kepentingan dalam mengekalkan perpaduan Yaman serta keamanan dan kestabilan juga kepentingan mencari penyelesaian politik yang berpanjangan pada Krisis Yaman.

Kedua-dua pemimpin tersebut juga menyambut baik Inisiatif Teluk dan hasil 'National Dialogue Yemen' serta Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu No. 2216.

Dalam kenyataan itu, kedua-dua pemimpin turut menyatakan sokongan mereka kepada Kerajaan Yaman yang sah bagi memudahkan kedatangan bantuan kemanusiaan ke semua bahagian Yaman.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Salman



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi di Istana Nurul Iman berkenan memeriksa Barisan Kehormatan Diraja yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (atas). Sementara gambar kiri, baginda berdua berada di Pentas Diraja bagi menerima Tabik Hormat Diraja diikuti dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara.

bin Abdulaziz Al-Saud seterusnya bersetuju dengan penyelarasan kedudukan mereka di dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan badan-badan berkaitan untuk menjaga kepentingan kedua-dua negara dan persaudaraan serta kepentingan negara Islam.

Kedua-dua pemimpin menekankan kepentingan dalam memusnahkan ekstremisme dan melawan segala bentuk dan manifestasi terrorisme dalam apa juga bentuk atau keadaan.

Terdahulu dalam kenyataan bersama, lawatan pertama Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi adalah atas jemputan Kebawah DYMM yang sangat penting dan bersejarah bagi persaudaraan dan hubungan persahabatan yang berterusan dan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara .

Kedua-dua pemimpin mengakui bahawa Lawatan Negara bertepatan dengan Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Arab Saudi Ke-30.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud turut mengadakan perbincangan persaudaraan yang konstruktif dalam memberi tumpuan pada meningkatkan hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara dan meluaskan bidang kerjasama dalam semua bidang, khususnya dalam bidang kerjasama perdagangan dan pelaburan termasuk meneroka peluang pelaburan bersama

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk mengaktifkan Kerjasama Perjanjian Am yang ditandatangani di antara kedua-dua negara termasuk bidang Ekonomi,

Pelaburan, Teknikal, Pendidikan, Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Baginda juga melahirkan penghargaan tulus kepada Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi dalam membuat lawatan mercu tanda ini ke Negara Brunei Darussalam.

Kebawah DYMM telah berkenan mengurniakan bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.) kepada Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud.

Penjaga Dua Masjid Suci, Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Kerajaan Arab Saudi juga melahirkan penghargaan kepada Kebawah DYMM bagi mengalu-alukan dan menerima baik ahli-ahli rombongan ketika berada di Negara Brunei Darussalam.

Berkenan menerima kunjungan muhibah Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi di Istana Nurul Iman.

Semasa ketibaan di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud naik ke Pentas Diraja untuk menerima



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia disembahkan kepada rombongan dari Arab Saudi (kiri), sementara gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud disembahkan kepada para pembesar Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Khartini Hamir, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

Tabik Hormat Diraja diikuti dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dan dua puluh

satu (21) das tembakan meriam yang dilepaskan.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi di Istana Nurul Iman.

Dari muka 3

Kedua-dua pemimpin seterusnya beredar memeriksa Barisan Kehormatan Diraja yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud kemudiannya disembahkenalkan kepada ahli-ahli Kerabat Diraja; Pembesar-Pembesar Negara; Menteri-Menteri Kabinet; Timbalan-Timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkenalkan kepada rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud yang terdiri daripada ahli-ahli Kerabat Diraja



BERANGKAT sama ke majlis tersebut ialah DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; DYTm Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; DYTm Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan DYTm Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud.

Arab Saudi, Menteri-Menteri Kabinet dan pegawai-pegawai kanan bertaraf Menteri.

Sejurus selepas itu, Majlis Mengadap diadakan di Cheradi Laila Kenchana.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP) serta ahli-ahli Kerabat Diraja yang lain.

Majlis mengadap turut dihadiri oleh ahli-ahli Kerabat Diraja Arab Saudi, Menteri-Menteri Kabinet dan pegawai-pegawai kanan bertaraf Menteri.

Semasa majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan bintang kebesaran Negara Brunei

Darussalam, Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Selepas majlis mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama menghadiri Majlis Perjumpaan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Semasa majlis perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud telah berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Arab Saudi serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Ke muka 5



AHLI-AHLI Kerabat Diraja Arab Saudi, Menteri-Menteri Kabinet dan pegawai-pegawai kanan bertaraf menteri hadir pada Majlis Mengadap (kiri). Sementara gambar atas, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman (atas). Berangkat sama menghadiri Majlis Perjumpaan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Juga hadir ialah para pembesar kedua-dua buah negara.

Dari muka 4

Selepas majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja bagi merayakan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud serta rombongan.

Berangkat sama ke Majlis Persantapan Diraja tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di KHELNP, serta ahli-ahli Kerabat Diraja yang lain.

Selepas Majlis Persantapan Diraja

tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berlepas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja bagi merayakan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud serta rombongan (atas). Sementara gambar kanan, baginda berdua berbual mesra pada Majlis Persantapan Diraja tersebut.



BERANGKAT sama pada Majlis Mengadap ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, iaitu DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; DYTMM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; DYTMM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; DYTMM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Berangkat mengucapkan selamat berlepas kepada Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berlepas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud yang menamatkan lawatan negara sehari. Berangkat sama ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Kerabat Pengiring Diraja (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berlepas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud yang menamatkan lawatan negara sehari ke negara ini.

Berangkat sama di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Kerabat Pengiring Diraja.

Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud seterusnya melintasi Kawalan Statik terdiri daripada Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Turut hadir bagi menyembahkan selamat berangkat ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Pengiring; Menteri di JPM dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Pekerna Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga dan Perindustrian di JPM,

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad

Yasmin bin Haji Umar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang

Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerna Jaya Haji Mohd. Yusof.



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia melambai mesra sebagai tanda mengucapkan selamat berlepas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud dan rombongan dari Arab Saudi.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH DYMM berangkat bersalaman mesra bersama Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi selepas selesai lawatan negara.



Berkenan berangkat mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi yang dalam rangka Lawatan Negara ke negara ini selama satu hari.

Pesawat khas yang membawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud dan rombongan selamat

mendarat di LTAB pada petang tadi. Sebaik sahaja turun dari pesawat khas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama di LTAB bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud dan rombongan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Kerabat Pengiring Diraja.

Turut hadir ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Pengiring; Menteri di JPM dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud seterusnya melintasi Kawalan Statik terdiri daripada Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud

berangkat ke Istana Nurul Iman untuk Majlis Sambutan Rasmi Ketibaan dan Barisan Kawalan Kehormatan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud.



KEBAWAH Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud melintasi Kawalan Statik terdiri daripada Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sejurus tetamu negara tiba ke negara ini bagi Lawatan Negara selama sehari. Juga kelihatan berangkat mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Kerabat Pengiring Diraja.

Berangkat ke Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC 2017



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan paduka-paduka anakanda DYTMM berkenan berangkat ke Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC 2017 di Kawasan Letak Kereta, Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas). Sementara gambar atas kanan, DYTMM berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada ketua Pasukan UTB pemenang Cabaran Bola Sepak Jalanan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran



Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC 2017 yang diadakan di Kawasan Letak Kereta, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda DYTMM, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Keberangkatan DYTMM dan YTM dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Juga menjunjung keberangkatan DYTMM dan YTM ialah Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang

Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin.

Terdahulu, DYTMM dan YTM menyaksikan persembahan silat dari maskot 'Awang Budiman' dan persembahan Pancaragam Kadet Polis serta bergambar ramai dengan Pasukan DPMM FC sebelum dijunjung untuk menyaksikan petak pameran yang memuatkan jualan makanan dan minuman, barang-barang serta pameran menyertai karnival tersebut.

YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim juga berkenan menyertai beberapa aktiviti yang terdapat di Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC 2017.

Acara hiburan sambil mendidik tersebut memaparkan pelbagai program dan aktiviti untuk para peserta dan pengunjung antaranya Demonstrasi Sukan dan Kecergasan, Forum Sukan dan Ceramah Motivasi, Klinik Bola Sepak

(Junior), Pertandingan Mewarna, 'Face Painting', Kuiz Sukan, 'Human Football', 'Foot Pool', 'Street Soccer', 'Foot Darts', 'Foot Golf', bergambar bersama maskot 'Awang Budiman'.

DYTMM dan YTM kemudian berkenan menyaksikan Cabaran Bola Sepak Jalanan (Street Soccer Challenge) di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB). Pada perlawanan tersebut, UTB menewaskan UBD dengan kiraan 4 - 2.

DYTMM juga berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada kedua-dua pasukan.

Orang ramai dan para peminat dialu-alukan untuk memeriahkan lagi Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC 2017 yang diadakan selama tiga hari sehingga 5 Mac ini bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.



DYTMM dan YTM berkenan berangkat menyaksikan persembahan silat dari maskot 'Awang Budiman' di Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC 2017. Juga hadir pada majlis itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin.

Berangkat mendahului Larian Baton Sukan SEA Ke-29



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan menerima obor baton dari Menteri Belia dan Sukan, Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Bahang Sukan SEA Ke-29 semakin hampir terasa apabila obor baton buat julung kalinya mula diperarakkan dalam Larian Baton Bangkit Bersama yang bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Brunei Darussalam merupakan negara pertama dipilih sebagai awal permulaan destinasi larian bersempena Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 diikuti negara-negara peserta lain yang menjadi catatan sejarah baharu dalam temasya sukan dwitahunan tersebut.

Berangkat mendahului larian sambil membawa baton Sukan SEA Ke-29 ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) yang

diserahkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin.

Terdahulu, keberangkatan DYTМ dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof dan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

Juga hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Duta-Duta Besar Istimewa dan Mutlak serta perwakilan negara-negara ASEAN di Negara Brunei Darussalam.

DYTМ Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah melalui Jalan Budiman sebelum baton tersebut diserahkan kepada atlet Wushu yang pernah memenangi Pingat Gangsa di Sukan SEA Ke-28, 2015 di Republik Singapura, Mohd. Sufi Shayiran bin



DYTМ Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengangkat obor baton Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang dibawa melalui Larian Baton Bangkit Bersama bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Juga kelihatan ialah Menteri Belia dan Sukan, Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin, dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Roslan bagi titik pertemuan pertama di Tugu Peringatan Sukan SEA Ke-19, 1999.

Larian melebihi sejauh tujuh kilometer keseluruhannya itu juga menyaksikan penyerahan seterusnya di Jalan Perdana Menteri kepada pemenang pingat perak dalam sukan lumba basikal pada Oversea-Chinese Banking Corporation Cycle Speedway Club Championship, 2016 di Singapura, Awang Azmi bin Hadzid.

Selepas itu, baton berikutnya diserahkan kepada pemenang pingat gangsa Sukan SEA Ke-28 dalam acara Pencak Silat, Awang Kifli bin Hamzah berhadapan perkampungan sukan, Sukan SEA 1999.

Dari perkampungan sukan, titik pertemuan baton seterusnya disambung oleh Dayang Nurul Ain binti Md. Jaafar, pemenang pingat perak dalam acara Taekwondo di Sukan SEA Ke-28, 2015 diikuti atlet Sepak Takraw yang memenangi gangsa di pesta sukan yang sama.

Penyerahan baton seterusnya dibawa oleh pemegang perak dalam 11th Asian Lawn Bowls dan 9th Asia Under 25 Single Championship Brunei 2016, Dk. Nurul Nabilah binti Pg. Md. Salleh.

Berlatarbelakangkan Mercu Dirgahayu 60 di ibu negara, akhirnya Baton Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 sampai ke garisan akhir di Cendera Lembaga Kenangan tanda sempurnalah sudah larian pengenalan sukan itu di negara ini sebelum diteruskan ke Republik Filipina, 12 Mac ini nanti.

Sementara itu, Mohd. Sufi Shayiran bin Roslan ketika ditemui sangat berbesar hati dan melahirkan penghargaan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepadanya bagi mengetuai membawa Baton Sukan SEA yang akan berlangsung di Kuala Lumpur tahun ini.

Katanya, ianya setentunya memberikan lagi semangat buat

dirinya untuk sama-sama mempertingkatkan daya saing apabila ke temasya sukan itu nanti.

Baton akan seterusnya menjelajahi Manila; Vientiane; Yangon; Bangkok; Hanoi; Dili; Phonm Penh; Jakarta dan akhirnya tiba di Republik Singapura sebelum dibawa ke Malaysia merentasi Tambak Johor pada awal bulan Mei nanti.

Larian Baton-Bangkit Bersama bakal merentasi kesemua negara Asia Tenggara dan Timor Leste bermula di Negara Brunei Darussalam dan ianya merupakan inisiatif Kerajaan Malaysia, yang antara lain bagi mencetuskan semangat, kegembiraan dan sambutan menuju Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017 di samping menggalakkan gaya hidup dan budaya sukan ke arah kecergasan serta mencerminkan semangat kekitaan dan perpaduan di kalangan negara-negara Asia Tenggara melalui sukan.



DYTМ berkenan menyertai Larian Baton yang diiring oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan Menteri Belia dan Sukan, Malaysia, Yang Berhormat Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang telah berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sepanjang Jalan Budiman.

Berkenan berangkat sertai Larian Hari Habitat Sedunia



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menyertai Larian Hari Habitat Sedunia 2016 / 2017 anjuran Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Empowered Entrepreneur Services pada Ahad, 5 Mac 2017, di Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Berangkat mendengar Ceramah Motivasi dan Forum Sukan 2017



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menandatangani buku keberangkatan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat mendengar Ceramah Motivasi dan Forum Sukan 2017, sempena Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC dengan sokongan A.K.K Design yang berlangsung di Dewan Teater, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat sama Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Haseeb bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsyad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Juga berangkat terdahulu melawat karnival tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil bersama pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Karnival tersebut diisikan dengan pelbagai program dan aktiviti, antaranya ialah 'Motivasi and Talk 2017', Demonstrasi Sukan dan Kecergasan, Klinik Bola Sepak, Pertandingan Mewarna, 'Face Painting', Kuiz Sukan, 'Human Foosball', 'Foot Pool', 'Street Soccer', 'Foot Darts dan 'Foot Golf'.

Tiga atlet negara, Awang Mohd. Fakhri bin Ismail; Jaspas Yu Woon Chai dan Dayang Maizurah binti Abdul Rahim turut memberikan ceramah motivasi mengenai dengan kejayaan mereka dalam bidang sukan masing-masing.

Dalam ceramahnya, Awang Mohd. Fakhri menerangkan mengenai dirinya yang dipilih berdasarkan kepada pencapaiannya dalam sukan yang lalu, di mana beliau berjaya mendapat tempat dan memecahkan rekod kebangsaan.

Manakala Jaspas Yu Woon Chai pula, memberikan motivasi mengenai kejayaannya dalam bidang



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berkenan berangkat mendengarkan Ceramah Motivasi dan Forum Sukan 2017, sempena Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC. Berangkat sama Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Haseeb bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsyad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

badminton di samping penerangan mengenai dengan minat dalam bidang badminton sejak dulu hingga berjaya ke peringkat tinggi.

Seorang lagi atlet olahraga, Dayang Maizurah pula menyatakan bahawa pencapaiannya dalam acara larian dalam Kejohanan Terbuka Brunei amat membanggakan sejak di bangku sekolah lagi.

Objektif utama Ceramah Motivasi dan Forum berkenaan adalah untuk mendidik belia untuk meneroka dan meneruskan minat mereka dalam sukan dan memberi motivasi dan inspirasi kepada mereka untuk cemerlang dalam kedua-dua sukan dan pendidikan dalam membimbing kerjaya mereka untuk menjadi 'Belia Berwawasan'.

Di akhir majlis YTM dan YAM berkenan menyaksikan secara dekat

dan bermain aktiviti-aktiviti seperti bola sepak.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil bersama penuntut-penuntut dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan melawat Galeri Muzium Sukan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (kiri) yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud hadir pada majlis raptai tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438H akan menampilkan seramai 12 peserta pada pertandingan yang akan diadakan selama tiga malam berturut-turut yang dijangka bermula 7 Mac ini.

Para peserta terdiri daripada lima qari dan lima qariah yang terpilih di Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan berserta dua peserta menunggu yang merupakan johan qari dan qariah musabaqah tahun lalu yang akan sama-sama bertanding memperdengarkan bacaan Al-Quran

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa bermula 7 Mac

masing-masing di peringkat akhir nanti.

Bagi melancarkan dan memantapkan perjalanan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran tersebut, telah diadakan latihan penuh bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini.

Hadir menyaksikan latihan itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja yang lain.

Pegawai Ugama Kanan Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Dayang Hajah Siti Mahyana binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya yang juga selaku Timbalan Setiausaha Majlis Musabaqah semasa ditemui berkata, tema kali ini, 'Al-Quran Temanku Menceriakan Hidupku' dipilih antara lain sebagai motivasi yang berkat yang mampu menyuntik kegembiraan dan ketenangan hati dan jiwa para hamba yang tiada ragu terhadap kebenaran Al-Quran.

Menurutnya, seramai empat peserta

akan memperdengarkan bacaan mereka pada hari pertama dan lapan orang lagi di hari kedua.

Sementara salah seorang peserta yang akan bertanding, Awang Muhammad Hasrin bin Haji Kamis sangat bersyukur dan gembira kerana berjaya terpilih ke peringkat akhir setelah lebih enam kali mencubanya sebelum ini.

Pemilihannya ke peringkat akhir



AWANG Muhammad Hasrin bin Haji Kamis merupakan peserta yang berjaya ke Peringkat Akhir Musabaqah.

buat pertama kali ini tidak dinafikannya agak gemuruh, namun peserta dari Kampung Sungai Besar itu juga sedang giat membuat persiapan dari segi latihan suara, taranum, fasahah dan tajwid dari tenaga pengajar Al-Quran tempatan yang berpengalaman.



PEGAWAI Ugama Kanan Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Dayang Hajah Siti Mahyana binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya yang juga selaku Timbalan Setiausaha Majlis Musabaqah.



AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA YANG DILANTIK BERMULA JUMAAT, 13 JANUARI 2017

A) Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan (Perdana Menteri dan Menteri-Menteri) menurut Ceraian 1 (a) (i) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
**PERDANA MENTERI, MENTERI PERTAHANAN, MENTERI KEWANGAN
DAN MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
**MENTERI KANAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Di-Pertua



Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Seri Haji Mohamed Taib
YANG DI-PERTUA MAJLIS MESYUARAT NEGARA

A) Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan (Perdana Menteri dan Menteri-Menteri) menurut Ceraian 1 (a) (i) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1)



Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Kerna
Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar
bin Haji Apong
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI



Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi
bin Haji Osman
MENTERI PENDIDIKAN



Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia
Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman
bin Haji Ibrahim
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEWANGAN II (KEDUA)**



Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Lim Jock Seng
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN II (KEDUA)**



Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Bersara)
Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin
bin Haji Umar
**MENTERI TENAGA (ENERGY) DAN
PERINDUSTRIAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**



Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin
bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman
MENTERI HAL EHWAL UGAMA



Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Bahrain
bin Abdullah
MENTERI PEMBANGUNAN



Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Ali
bin Haji Apong
**MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**



Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa
bin Haji Sirat
MENTERI PERHUBUNGAN



Yang Berhormat
Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara)
Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi
bin Haji Mohd Yussof
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Yang Berhormat
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain
bin Haji Hanafi
MENTERI KESIHATAN

(B) Orang-Orang bergelar menurut Ceraian 1 (a) (ii) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1)



Yang Berhormat
Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal



Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pendikar Alam
Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin
bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu



Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka
Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa
Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim

(C) Orang-Orang yang telah mencapai kecemerlangan menurut Ceraian 1 (a) (iv) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1)



Yang Berhormat
Awang Haji Umarali bin Esung



Yang Berhormat
Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli
bin Haji Arshad



Yang Berhormat
Awang Ong Tiong Oh



Yang Berhormat
Dayang Siti Rozaimeryanty
binti Dato Seri Laila Jasa
Awang Haji Abdul Rahman



Yang Berhormat
Dayang Nik Hafimi
binti Abdul Haadli



Yang Berhormat
Dayang Khairunnisa
binti Awang Haji Ash'ari



Yang Berhormat
Awang Iswandy bin Ahmad

(D) Wakil yang dilantik dari Daerah-Daerah menurut Ceraian 5 (1) dari Jadual Kedua Perkara 24 (1)



Yang Berhormat Pengiran
Haji Ali bin Pengiran Maon
Penghulu Mukim
Berakas 'B'
Zon 1 - Daerah Brunei
dan Muara



Yang Berhormat Awang
Naim bin Haji Kamis
Penghulu Mukim
Kota Batu
Zon 3 - Daerah Brunei
dan Muara



Yang Berhormat Awang
Haji Tahamit bin Haji Nudin
Penghulu Mukim Gadong 'A'
Zon 4 - Daerah Brunei
dan Muara



Yang Berhormat Awang
Haji Mohimin bin Haji
Johari @ Jahari
Ketua Kampung Limau Manis
Zon 5 - Daerah Brunei
dan Muara



Yang Berhormat Pengiran
Haji Mohamed bin Pengiran
Haji Osman @ Othman
Ketua Kampung Wasid Lama
Pekan, Muara, Sabun dan
Pelumpong, Zon 2 - Daerah
Brunei dan Muara



Yang Berhormat
Awang Haji Abdul Hamid
bin Haji Mumin
Penghulu Mukim Liang
Zon 1 - Daerah Belait



Yang Berhormat
Awang Hanapi bin
Mohd Siput
Ketua Kampung Labi 1
Zon 2 - Daerah Belait



Yang Berhormat
Awang Haji Abdul
Wahab bin Apong
Penghulu Mukim
Tanjong Maya
Zon 1 - Daerah Tutong



Yang Berhormat Awang
Haji Ramli bin Haji Lahit
Penghulu Mukim Telisai
Zon 2 - Daerah Tutong



Yang Berhormat Awang
Haji Emran bin Haji Sabtu
Penghulu Mukim Bokok
Kelima-ilma Mukim
Daerah Temburong

E) Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara



Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar
JURUTULIS I (PERTAMA)



Yang Mulia
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail
TIMBALAN JURUTULIS



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 19/3/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 06 MAC 2017
TARIKH TUTUP: 20 MAC 2017

1. PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN
C.3-4 EB.5
BAHAGIAN III
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN = 2

2. MAJISTRET/PENDAFTAR MAHKAMAH
BESAR
B.2 EB.3
BAHAGIAN II
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN = 9

3. PEMBANTU UNDANG-UNDANG
C.2 EB.3-4
BAHAGIAN III
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN = 3

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan **Announcement** di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN PERKHIDMATAN BAS SEWA KHAS

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/52/2016/2017
(DA[BKP-MAC-2017])

KETERANGAN :
TAWARAN PERKHIDMATAN BAS SEWA KHAS 15 MUATAN SEBANYAK EMPAT (4) BUAH BAGI ZON 'A', DAERAH TUTONG DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN. UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN : BND50.00
(bayaran dokumen
tawaran tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/53/2016/2017
(DA[BKP-MAC-2017])

KETERANGAN :
TAWARAN PERKHIDMATAN BAS SEWA KHAS 22 MUATAN SEBANYAK DUA (2) BUAH BAGI ZON 'C', DAERAH TUTONG DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN. UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN : BND30.00
(bayaran dokumen
tawaran tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/54/2016/2017
(DA[BKP-MAC-2017])

KETERANGAN :
TAWARAN PERKHIDMATAN BAS SEWA KHAS 22 MUATAN SEBANYAK SATU (1) BUAH BAGI ZON 'B', DAERAH TEMBURONG DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN. UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN : BND10.00
(bayaran dokumen
tawaran tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
21 Mac 2017 (tidak lewat jam 2.00 Petang)

Borang-borang tawaran boleh diperoleh di **Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran.

Syarat-syarat tawaran dan keterangan lebih lanjut boleh merujuk ke **Kementerian Pendidikan**.



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG

SURAT KUASA PUSAKA
NO. T/LA/53/2016

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH NORHANA BINTI HAJI MOHAMAD SALLEH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MOHD. SALLEH BIN ABDUL KADIR** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

SURAT KUASA PUSAKA
NO. T/LA/48/2016

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MD. SHARIF BIN HAJI ABD. FATTAH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HASANAN BIN HAJI ABDUL FATTAH** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ABANG** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **11 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 28 FEBRUARI 2017.

(DK. NORAFIDAH BINTI PG. HAJI BUNGSU)

b/p. Timbalan Pegawai Waris
Tutong

Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

PEMBERITAHUAN : JL/01/2017

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "Request For Proposal (RFP) for The Rental, Operation and Management of Existing Marine Department Workshop Facilities at Serasa, Muara, Negara Brunei Darussalam".

2. Dokumen tawaran bolehlah diperoleh pada waktu bekerja, iaitu Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang dan Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi di **PEJABAT LAUT (BAHAGIAN KEWANGAN) JABATAN LAUT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, JALAN SERASA, MUARA, BT1728, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen berkenaan bolehlah diambil pada 4 hingga 28 Mac 2017.

3. Yuran dokumen berjumlah **BND100.00** (tidak dikembalikan).

4. Dokumen yang lengkap hendaklah dihadapkan di dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menyatakan nama penender yang ikut serta kecuali tajuk tender "Request for Proposal (RFP) for The Rental, Operation and Management of Existing Marine Department Workshop Facilities at Serasa, Muara, Negara Brunei Darussalam - JL/01/2017" di bahagian atas sebelah kiri dan dihantar ke alamat berikut :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
TINGKAT BAWAH
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

5. Semua dokumen hendaklah sampai ke alamat yang dinyatakan **tidak lewat pada Selasa, 28 Mac 2017, jam 2.00 Petang.**



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN : Q.JDT/03/2017

**TAJUK TAWARAN :
SEBUT HARGA MEMBERSIHKAN KAWASAN DAN
MEMUNGGAH SERTA MEMBERI PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI GERAJ MUKIM TELISAI,
GERAJ KAMPUNG BUKIT PANGGAL DAN GERAJ KAMPUNG KIUDANG,
TUTONG BAGI TEMPOH KONTRAK DUA (2) TAHUN**

BILANGAN TAWARAN : Q.JDT/04/2017

**TAJUK TAWARAN :
SEBUT HARGA MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
DAN PEMBUANGAN SAMPAH
BAGI BANGUNAN-BANGUNAN DAN PERUMAHAN-PERUMAHAN
KERAJAAN DI BAWAH KAWALAN JABATAN DAERAH TUTONG
BAGI TEMPOH KONTRAK DUA (2) TAHUN**

BILANGAN TAWARAN : Q.JDT/05/2017

**TAJUK TAWARAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERIHAN HARIAN
JABATAN DAERAH TUTONG
BAGI TEMPOH KONTRAK DUA (2) TAHUN**

SETIAP YURAN TAWARAN : BND10.00

Tarikh tutup tawaran : 20 Mac 2017, jam 2.00 Petang

Syarat-syarat tawaran dan dokumen terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperoleh di Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tutong, TA1141, Brunei Darussalam semasa waktu bekerja.



**JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN : JMK/BTB/T/A/2017/02
PER. : TAWARAN BAGI KERJA-KERJA
MEMBERSIHKAN KAWASAN LUAR DAN DALAM
BANGUNAN DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM, JABATAN MUFTI KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI, SIMPANG 26,
JALAN PENGIRAN BABU RAJA,
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(BLOK PENTADBIRAN DAN PERPUSTAKAAN DAN BALAI
PAMERAN ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH)
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN**

**Tarikh Tutup :
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang,
Selasa, 29 Jamadilakhir 1438H bersamaan 28 Mac 2017M.**

Syarat-syarat dan keterangan lebih lanjut boleh merujuk ke Bahagian Perancangan dan Kewangan, Jabatan Mufti Kerajaan.

PERINTAH PELINDUNGAN PENGGUNA (PERDAGANGAN WAJAR), 2011

Perintah untuk melindungi pengguna daripada amalan yang tidak adil



Apakah yang dimaksudkan dengan amalan yang tidak adil?

- Memperdayakan atau mengelirukan pengguna.
- Membuat kenyataan palsu terhadap produk dan perkhidmatan.
- Mengambil kesempatan ke atas pengguna yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai produk dan perkhidmatan.



Perkara Yang Perlu Diamalkan dan Dielakkan Untuk Menjadi Pengguna Bijak

Amalan Yang Bijak

- Sediakan senarai barangan yang hendak dibeli.
- Periksa kualiti dan keadaan barangan yang hendak awda beli dengan teliti. Pastikan ianya adalah dalam keadaan yang baik sebelum awda membuat transaksi pembelian.
- Sentiasa membuat perbandingan harga dan kualiti barangan sebelum membuat pembelian bagi mendapatkan tawaran dan kualiti yang terbaik.
- Gunakan khidmat pakar dan profesional yang mempunyai lesen perkhidmatan jika awda ingin melakukan servis kepada barangan seperti alat penghawa dingin atau kereta.
- Simpan resit transaksi pembelian dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan transaksi pembelian awda, sekurang-kurangnya hingga tamat tempoh jaminan yang ditawarkan bagi transaksi pembelian tersebut.
- Fahami terma dan syarat-syarat pembelian atau perjanjian kontrak sebelum awda menandatangani sebarang kontrak perjanjian.

Amalan Yang Tidak Bijak

- Membeli barangan atau mendapatkan khidmat servis dari orang atau organisasi yang mencurigakan.
- Memberi maklumat peribadi seperti keterangan akaun bank awda kepada individu atau organisasi yang tidak awda kenali.
- Berbelanja pada barangan atau perkhidmatan servis yang tidak awda perlukan.
- Terpedaya atau tertekan dengan teknik jualan secara paksa terutama jika ia melibatkan barangan yang mempunyai kos yang tinggi atau komitmen kewangan bagi jangka masa yang panjang.

**KHIDMAT ADUAN
PENGGUNA**

Nombor pertanyaan: 2230223 (waktu pejabat)
Emel: consumercomplaint@jpke.gov.bn atau aduanpengguna@jpke.gov.bn
Facebook: [AduanPenggunaJPKE](https://www.facebook.com/AduanPenggunaJPKE)

Bahagian Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok 3.04, West Wing, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping,

Brunei - Malaysia bincang perkembangan belia dan sukan



Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

JERUDONG, Sabtu, 4 Mac. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia saling bertukar-tukar pandangan serta maklumat mengenai perkembangan belia dan usaha-usaha yang dijalankan dalam memajukan sukan di kedua-dua buah negara.

Perkara tersebut adalah antara yang dibincangkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menerima kunjungan hormat daripada Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin, di Grandstand 3, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, di sini.

Yang Berhormat Menteri Belia dan

Sukan Malaysia berada di negara ini selama dua hari bermula 4 hingga 5 Mac bagi menghadiri acara Larian Baton Bangkit Bersama sempena Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9.

Larian Baton Bangkit Bersama merupakan inisiatif Kerajaan Malaysia yang buat julung-julung kalinya mengadakan larian baton di kesemua negara-negara Asia Tenggara dan Timor Leste untuk mempromosikan Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9 yang akan berlangsung pada bulan Ogos tahun ini di Kuala Lumpur, Malaysia.

Turut hadir dalam kunjungan hormat tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin serta pegawai-pegawai kanan KKBS dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kanan) seterusnya menyampaikan cenderahati kepada Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin.

Jaga dan hormati bendera negara

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Sabtu, 4 Mac. - Program Kenegaraan merupakan usaha berterusan Jabatan Penerangan bagi menyemai semangat patriotisme kepada para belia untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Sehubungan itu, Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Belait telah mengadakan Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang diadakan

di Dewan Sekolah Saint John, Kuala Belait.

Seramai 108 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan telah berpeluang untuk mendengarkan taklimat seterusnya menyaksikan tayangan video klip 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan menyertai Kuiz Kenegaraan yang diunkayahkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Pelihaikan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara'.

Para pelajar kemudiannya mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan terperinci.

Dayang Nur Mahirah binti Abdullah Bungsu, Guru Bahasa Melayu sekolah berkenaan, ketika ditemu bual Pelita Brunei berkata, pendekatan serta usaha Jabatan Penerangan dalam memberi 'Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' ke sekolah-sekolah merupakan satu kesedaran yang amat bermanfaat bagi pelajar serta dapat memupuk semangat patriotik dalam kalangan pelajar sekolah agar mereka peka akan pentingnya menghormati bendera dan cara-cara menjaganya.

Sementara itu, Pelita Brunei juga berkesempatan mendapatkan pandangan daripada beberapa orang pelajar yang hadir pada taklimat tersebut iaitu Awang Mohd. Syukri bin Jeffry, pelajar Tahun 9 Success, memberi pendapat bahawa taklimat tersebut sangat menyeronokkan, di samping memberi pengetahuan mengenai bendera dan dapat menerima maklumat dengan jelas dan memahami mengenai kepentingan penjagaan bendera.

Manakala Dayang Fitri Aleeya, penuntut Tahun 7 Honour, berasa pendekatan Jabatan Penerangan itu sangat bermanfaat kerana melalui taklimat tersebut, beliau mendapat ilmu dengan mengetahui akan kepentingan bendera dan lagu kebangsaan.

Taklimat itu juga diselitkan dengan



SALAH seorang penuntut semasa menyertai Kuiz Kenegaraan.

penayangan klip video 'Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera', selain para pelajar juga berpeluang menyertai kuiz kenegaraan yang dikendalikan Pembantu Pegawai

Luar Penerangan, Dayang Siti Haniza binti Azari.

Program tersebut diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan.



AWANG Mohd. Syukri bin Jeffry, pelajar Tahun 9 Success dan Guru Bahasa Melayu, Dayang Nur Mahirah binti Abdullah Bungsu.



HALUAN

Warga guru, ibu-bapa kunci kejayaan pelajar

Dari muka 2

Selain daripada itu, sesi pembangunan profesional juga terus diadakan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kapasiti guru-guru kita. Saya berharap sesi seperti ini akan dapat membantu guru dalam pengajaran untuk lebih kreatif serta yang dapat menyuntik semangat untuk meneruskan profesi perguruan secara amnya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Focus Area champions (FACs) yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan serta ketua-ketua Unit di Kementerian Pendidikan yang menjadi pelopor utama dala perancangan strategik inisiatif-inisiatif pendidikan rendah tahun lalu. Peramba / saya penuh percaya, Kementerian Pendidikan berada dalam landasan yang betul. Kerjasama yang padu dan komitmen yang tinggi

daripada seluruh warga kementerian adalah faktor yang penting dalam memastikan matlamat Kementerian Pendidikan tercapai.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ketua jabatan, ketua kluster, pemimpin sekolah terutama sekali kepada semua guru-guru di atas usaha gigih abiskita dan berharap momentum ini akan dapat kita teruskan sehingga bila-bila. Marilah kita meraikan kejayaan kita dengan penuh rasa syukur dan sentiasa berdoa agar anak-anak kita, yang merupakan generasi masa depan dan juga pemangkin pembangunan negara demi merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Semoga kejayaan yang dirai pada hari ini menjadi pendorong untuk kita mencapai kejayaan lagi di masa hadapan.

Wabillahir Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

RISTAAN SEJARAH III : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

PENDAHULUAN

URA-URA penubuhan Universiti Islam di Negara Brunei Darussalam adalah bertitik tolak dari titah awal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada Majlis Konvokesyen Ke-16 Universiti Brunei Darussalam pada 18 September 2004, iaitu :

".....Pusat Pengajian Tinggi kita yang tunggal, Universiti Brunei Darussalam telah pun berusia mencecah hampir dua dekad dan seperti orang yang mempunyai anak tunggal, di mana anaknya itu sudah dewasa, apakah dia tidak teringin untuk memiliki anak kedua pula? Kalau anak yang pertama lelaki, apakah tidak mungkin dia menginginkan anak perempuan pula?."

Dalam Majlis Konvokesyen Ke-17 Universiti Brunei Darussalam pada 6 September 2005 baginda mengulangi lagi titah di atas :

"Pada tahun lepas, saya menyarankan mengenai penubuhan sebuah lagi institusi pengajian tinggi di negara ini. Sekarang biarlah saya jelaskan bahawa institusi pengajian yang saya maksudkan itu ialah sebuah 'Universiti Islam' tulen. Ia akan menampung keperluan masa kini dan akan datang, di samping menjadi mercu tanda kegemilangan kepada negara

Saya harap ia akan segera difikirkan. Dan saya juga yakin bahawa asasnya sudah pun ada, tinggal sahaja lagi bilakah masanya kita mengorak langkah."

Dalam Majlis Konvokesyen Ke-18 Universiti Brunei Darussalam pada 4 September 2006 sekali lagi baginda mengulangi maksud titah baginda :

"Selain itu, beta ingin juga mengulangi di sini, bahawa matlamat kita ialah sebuah pusat pengajian tinggi Islam yang tulen, yang akan menjadi landmark kita di dunia dan juga di akhirat, insyaaAllah."

Sementara itu pada Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21 pada 23 Februari 2005 baginda menyentuh lagi dengan menggariskan objektif pengajian tinggi Islam itu ialah :

".....di peringkat asas, pendidikan agama hendaklah sempurna, sementara di peringkat tinggi pula hendaklah mampu melahirkan ulama dan cendekiawan berwibawa..."

JAWATANKUASA PANDU PENUBUHAN UNIVERSITI ISLAM (STEERING COMMITTEE)

Dari keinginan baginda yang begitu luhur dan kuat, maka Kementerian Pendidikan pada masa itu telah memikirkannya dengan bersungguh-sungguh dan berusaha untuk menyahut seruan tersebut serta melaksanakan sebaik-baiknya. Yang Berhormat Menteri Pendidikan (Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Mohd. Taib) telah melantik sebuah Jawatankuasa Pandu (Steering Committee) yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan (Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman) untuk menyusun dan memikirkan perkara di atas sesuai ilmu dan pengalamannya.

Ahli-ahli yang menganggotai Jawatankuasa Pandu Penubuhan Universiti Islam mengikut sekretariat ialah :

1. Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr.

Oleh : Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Pengiran Haji Abdul Rahman dengan kerjasama Meja Kandungan Khas Pelita Brunei

Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman (Timbalan Menteri Pendidikan selaku Pengerusi).

2. Yang Mulia Dato Paduka Haji Sheikh Adnan bin Sheikh Mohammad (Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan selaku Timbalan Pengerusi).

3. Yang Mulia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin (Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama).

4. Yang Mulia Dato Paduka Haji Ali bin Haji Apong (Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan).

5. Yang Mulia Awang Haji Mohd. Said bin POKPS Dato Paduka Haji Hashim (Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan).

6. Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Ismail bin Haji Duraman (Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam).

7. Yang Mulia Dato Paduk Awang Haji Ishak bin Haji Abdullah (Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama).

8. Yang Mulia Dayang Afsah binti Haji Abdul Majid (Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan).

9. Yang Mulia Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud (Timbalan Setiausaha Tetap (Perancangan dan Dasar), Kementerian Pendidikan).

10. Yang Mulia Dato Paduka Haji Saifon bin Haji Awang Besar (Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam).

11. Yang Mulia Datin Paduka Dayang Magdelene Chong (Peguaacara Negara, Pejabat Peguam Negara).

12. Yang Mulia Dr. Haji Mohd. Yusof bin Haji Awang Damit (Penolong Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam).

13. Yang Mulia Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim (Dekan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam).

14. Yang Mulia Awang Haji Japar bin Haji Maidin (Ketua Pegawai Istanbat, Jabatan Mufti Kerajaan).

15. Yang Mulia Dayang Hajah Nurjom binti Haji Mohd. Yusof (Ketua Pengarah Pendidikan selaku Setiausaha).

Mesyuarat telah diadakan sebanyak tujuh kali bagi menyempurnakan Kertas Cadangan ini. (Jawatankuasa Pandu Penubuhan Universiti Islam Brunei, Syawal 1427 / November 2006 : 2).

KERTAS CADANGAN PENUBUHAN UNIVERSITI ISLAM BRUNEI

Dalam pada itu, Yang Berbahagia Tan Sri Profesor Dr. Mohd. Kamal Hassan bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah dijemput ke Kementerian Pendidikan, Brunei khusus untuk memberi pandangannya terhadap Kertas Cadangan Penubuhan Universiti Islam Brunei ini, iaitu pada 28 September hingga 1 Oktober 2006. Beliau telah menyokong sepenuhnya Kertas Cadangan yang telah disediakan, dan mengatakan telah tiba masanya Brunei memilikinya, sesuai dengan perlembagaan



PLAN STRATEGIK

Usaha untuk mewujudkan Plan Strategik bagi UNISSA ini telah diketuai oleh Penasihat Tetap Akademik UNISSA, Yang Mulia Profesor Dato Dr. Haji Abdul Moner Yaacob. Kumpulan tersebut termasuklah Rektor dan Penolong Rektor UNISSA, dan pensyarah-pensyarah kanan UNISSA yang mengambil masa lebih dari enam bulan untuk menyiapkannya. Seorang ahli akademik yang berpengalaman dari Malaysia juga telah diundang ke Brunei untuk menghalusi Plan Strategi tersebut. Beliau ialah Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Wan Zahid bin Mohd. Nordin bagi menghasilkan satu Plan Strategik yang komprehensif dan praktikal.

Sudah tentu untuk menyediakan Plan Strategik ini bukan suatu kerja yang mudah. Ia memerlukan *brainstorming* dan perbincangan-perbincangan yang tenang, tetapi serius untuk mempraktikkan perancangan masa depan UNISSA sebaik yang mungkin. Moga-moga dengan adanya Plan Strategik itu nanti, universiti ini akan dapat berjalan secara lebih terancang dan sistematik, dapat menjadikan UNISSA sebagai "Mercu Tanda" kecemerlangan Islam di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang dihasratkan oleh Baginda Sultan.

Apa makna "Mercu Tanda"? "Mercu Tanda" bagi saya bukan hanya dilihat dari aspek fizikal universiti yang memaparkan bentuk atikteknya yang artistik dan menampakkan kegemilangan syiar Islam di negara kita malah juga dari segi akademiknya yang menunjukkan adanya mutu atau kualiti yang tinggi berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah yang memiliki ketulenan dan dapat menjadi rujukan umat Islam. Malah yang tidak kurang pentingnya ialah dengan mutu atau kualitinya yang bertaraf antarabangsa itu dapat menarik para pelajar dan ahli-ahli akademik dari luar negara untuk mendapatkan ilmu yang bermanfaat di dunia dan di akhirat.

Selain itu, universiti ini juga ditubuhkan untuk mendukung kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara mengikut aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Mazhab Shafi'i. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya universiti ini dapat melahirkan ulama dan cendekiawan yang berwibawa bukanlah mudah, tetapi bukan pula mustahil kerana universiti ini telah pun mempunyai asas kearah itu. Kita memerlukan ulama yang luas ilmunya dalam keilmuan Islam dan kita memerlukan cendekiawan yang berwibawa dari segala bidang, tetapi mempunyai perspektif Islam yang betul adalah sesuatu yang benar-benar dihajati oleh negara kita, rantau ini dan dunia global sebenarnya. Tidak mustahil dari negara kita yang kecil ini terpancar cahaya itu, kerana kita mempunyai seorang raja yang peka kepada ajaran Islam, mencintai ajaran Islam yang murni, tetapi berfikir global. (Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, 2010 : 271 - 273).

Al-Hamdulillah, kemunculan universiti ini tidak lahir dalam sekelip mata, sebaliknya penubuhannya mempunyai sejarah yang panjang, iaitu dari Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam (di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama) pada tahun 1988, kemudian ia dicantumkan kepada Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1999 dengan nama Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (IPISHOAS). Dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kini menjadi Universiti Islam.

Bagi penubuhan ini, sebuah Kertas Kerja "Cadangan Penubuhan Universiti Islam Brunei" yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pandu Penubuhan Universiti Islam sebagaimana di atas telah disebarkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda telah mengambil maklum kertas cadangan tersebut yang mengandungi antaranya rangka penubuhan, misi, visi, moto, matlamat, objektif dan lain-lain, seterusnya mendapat perkenan baginda. Ini bermakna kertas tersebut merupakan kertas dasar yang telah dipersetujui oleh semua pihak. Jadi untuk melaksanakan kertas dasar tersebut dan setelah tertubuhnya universiti yang dimaksudkan, maka kita memerlukan pula satu Plan Strategik supaya apa-apa yang terkandung dalam kertas tersebut dapat direalisasikan dan benar-benar menjadi kenyataan.



SEBAHAGIAN daripada mahasiswa / mahasiswi UNISSA sedang mengikuti kuliah umum.

BERSAMBUNG

Membentuk remaja berperibadi tinggi sangat mencabar

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di acara tersebut ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Korporat, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohammad Sharifuddin bin Haji Mohd. Salleh.

Juga hadir, Pengetua STPRI, Dayang Hajah Susilawati binti Dato Paduka Haji Mohammad; Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A.Ahmad; guru-guru serta kakitangan dan penuntut-penuntut STPRI.

Terdahulu acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' beramai-ramai.

Acara diberkati dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua STPRI.

Dalam ucapan Pengetua STPRI antara lain menjelaskan, cabaran-cabaran pada masa ini menjadikan tugas membentuk seorang remaja yang berperibadi menjadi suatu yang amat mencabar lebih-lebih lagi dengan pengaruh-pengaruh negatif yang amat mudah didapati melalui teknologi yang ada pada masa ini.

Tambahnya, oleh itu beberapa langkah perlu diambil oleh pelbagai pihak, baik daripada pihak kerajaan juga pihak swasta untuk sama-sama membentuk acuan generasi remaja yang berkeperibadian tinggi.

Sejurus selepas itu, taklimat bertajuk 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.

Selepas itu tayangan video 'Kibarkan Bendera Negara dengan Megah', 'Kibarkanlah Bendera Negara Kitani' dan Tayangan Video Animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' terbitan Jabatan Penerangan dimainkan.

Program tersebut juga diserikan dengan persembahan nyanyian daripada artis Jabatan Penerangan,

persembahan drama sketsa oleh penuntut-penuntut sekolah bertajuk 'Anak Derhaka' dan klip video sekolah dengan tajuk 'Nilai dan Erti Kemerdekaan'.

Penuntut yang hadir juga dihiburkan dengan lawak jenaka dan kuiz yang disampaikan oleh pelawak-pelawak undangan.

Tujuan program tersebut adalah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa; menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Program tersebut juga bertujuan untuk memberikan sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Korporat, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohammad Sharifuddin bin Haji Mohd Salleh (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan di STPRI.

dan moral positif dan dalam masa yang sama, ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinpin.

Semasa Pelita Brunei menemui bual salah seorang penuntut yang menghadiri program berkenaan, Dayang Nur Qamelya binti Mohd.

Raffee, pelajar Tahun II S1, selaku Penolong Ketua Pengawas berpendapat, bendera ini amat penting bagi sebuah negara kerana ia melambangkan kedaulatan sesebuah negara.

Jelasnya, kita wajar menghormati bendera kita kerana ia adalah simbol pada negara.



GURU-GURU serta kakitangan dan penuntut-penuntut Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri ketika hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan (kanan).

Peranan perpustakaan dibarigakan



CERAMAH 'Kerjaya Seorang Pustakawan' disampaikan oleh Pustakawan Kanan daripada Perpustakaan Islam Brunei, Jabatan Mufti Kerajaan, Pengiran Haji Mohd. Shahminan bin Pengiran Haji Sulaiman dan Pustakawan dari Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Amal Syukriyyah binti Haji Abd. Kahar.

Siaran Akhbar dan Foto :

Ihsan Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam

TEMBURONG, Sabtu, 4 Mac. - Sesi ceramah 'Kerjaya Seorang Pustakawan' anjuran Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Library Association - BLA) dengan kerjasama Unit Sumber Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan telah diadakan di Sekolah Menengah

Sultan Hassan, Pekan Bangar, di sini.

Ceramah yang merupakan sesi akhir itu disertai oleh 10 orang kakitangan, pegawai perpustakaan dan guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah di daerah tersebut.

Kali ini ceramah disampaikan oleh Pustakawan Kanan daripada Perpustakaan Islam Brunei, Jabatan

Mufti Kerajaan, Pengiran Haji Mohd. Shahminan bin Pengiran Haji Sulaiman dan Pustakawan dari Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Amal Syukriyyah binti Haji Abd. Kahar.

Selain menghuraikan mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Pustakawan, ceramah juga bertujuan untuk

mengeratkan silaturahim di antara Pustakawan-pustakawan di Negara Brunei Darussalam serta menimba pengetahuan mengenai kefahaman tugas seharian di era yang serba pantas dan moden ini.

Ceramahnya turut membarigakan peranan perpustakaan di dalam dan luar negara seperti mengikuti kursus, mesyuarat, persidangan,

lawatan dan lain-lain.

Sebelum ini ceramah seumpamanya telah diadakan di ketiga-tiga daerah yang lain, iaitu di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong pada 4 Februari 2017; Sekolah Menengah PAP Hajah Rashidah, Lumut, Belait pada 11 Februari 2017 dan di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS), Brunei Muara pada 2 Mac 2017.



PARA Pustakawan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai sejurus mendengarkan ceramah 'Kerjaya Seorang Pustakawan' yang diadakan di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Pekan Bangar, Temburong.



PENCERAMAH berpengalaman dalam bidang masing-masing, iaitu graduan Ph.D dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Dakwah dan Kepimpinan, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman dan graduan UKM peringkat Sarjana Muda dalam bidang Al-Quran dan As-Sunnah, Dayang Saaidah Fakriah binti Haji Yunos ketika memberikan ceramah di Forum Perdana Bicara An-Nisa Siri Ke-3 yang membawakan tajuk 'Muslimah dan Media Sosial : Perlu atau Mahu'.

Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan Belia Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali

SENGKURONG, - Forum Perdana Bicara An-Nisa Siri Ke-3 telah diadakan pada hari Jumaat lepas 3 Mac bertempat di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Forum tersebut merupakan kesinambungan daripada Bicara An-Nisa Siri Ke-2 yang diadakan tahun sebelumnya.

Forum Perdana Bicara An-Nisa Siri Ke-3 kali ini membawakan tajuk

'Muslimah dan Media Sosial : Perlu atau Mahu' yang antara lainnya berhasrat untuk membicarakan beberapa perihal penting sekitar Muslimah dan penggunaan media sosial.

Para ahli panel forum terdiri daripada penceramah yang berpengalaman di bidang masing-masing, iaitu seorang graduan Ph.D dari Universiti Kebangsaan Malaysia

Gunakan media sosial ke arah yang lebih baik

(UKM) dalam bidang Dakwah dan Kepimpinan, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman dan graduan UKM peringkat Sarjana Muda dalam bidang Al-Quran dan As-Sunnah, Dayang Saaidah Fakriah binti Haji Yunos.

Penceramah tersebut telah mendapat kelulusan dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), sementara Pengerusi atau *moderator* bagi sesi forum pada kali ini adalah Dayang Siti Hurul Ain Diyana binti Haji Abdul Majid @ Vienna yang juga merupakan penceramah yang mendapat kelulusan dari MUIB.

Forum Perdana tersebut dibukakan kepada masyarakat umum secara amnya dan para Muslimah di seluruh tanah air khususnya.

Sementara itu, urgensi Forum Bicara An-Nisa 'Muslimah dan Media Sosial : Perlu atau Mahu?' menjelaskan di zaman serba canggih ini, tidak dapat dinafikan bahawa media sosial adalah satu medium komunikasi yang tahap penggunaannya sudah semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Keunggulan media sosial itu ternampak jelas dari kadar penggunaannya yang sudah melibatkan hampir kesemua peringkat umur.

Namun, kemudahan yang terdapat di media sosial itu sendiri sering kali menyebabkan penggunaannya berlebih-lebih dan lalai dalam menggunakannya, ini termasuklah juga pengguna dari para Muslimah.

Para Muslimah adalah harapan negara untuk menerajui generasi-generasi yang akan datang, oleh itu akhlak seseorang Muslimah itu perlulah dijaga dari semua aspek, termasuk akhlaknya di dalam penggunaan media sosial.

Perlulah para Muslimah sentiasa beringat untuk tidak terjerumus dalam sikap berlebih-lebihan dan lalai ini kerana ianya boleh menyebabkan seseorang itu tenggelam dalam melakukan perkara-perkara yang dilarang di dalam Islam seperti,

meninggalkan atau melambatkan solat, menunjuk-nunjuk dan sebagainya.

Sepertimana yang tersebut di dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Muslim (2670) : 'Dari Ibnu Mas'ud radhiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : 'Binasalah orang-orang yang berlebih-lebihan'.

Oleh itu, Kumpulan Syababul Iman memutuskan untuk mengadakan forum tersebut dengan harapan bahawa para Muslimah di negara ini akan dapat memahami secara meluas tentang garis panduan di sisi agama Islam dalam penggunaan media sosial dan seterusnya dapat mendidik orang sekeliling untuk menggunakan media sosial ke arah yang lebih baik.

Objektif yang ingin dicapai dari forum tersebut adalah untuk memahami peranan media sosial dalam perspektif Islam serta merungkai faedah dan keburukan media sosial terutamanya dalam pembentukan sahsiah seorang Muslimah itu di samping mengenalpasti bagaimana seharusnya seorang Muslimah itu berinteraksi

dengan media sosial / langkah atau tatacara penggunaan media sosial mengikut garis pandu Islam.

Dalam pada itu Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong merupakan sebuah kelab belia masjid di bawah naungan masjid berkenaan.

Kumpulan tersebut baru ditubuhkan secara rasmi iaitu pada 23 Mac 2012.

Antara objektif utama kumpulan tersebut ditubuhkan adalah untuk melahirkan generasi belia rabbani yang beramalkan Al-Quran dan sunnah; melahirkan pemimpin-pemimpin yang akan dapat memberi manfaat pada agama bangsa dan negara, di samping untuk mengimaraskan masjid dengan aktiviti-aktiviti yang membangun jiwa dan minda seperti mana fungsi masjid yang terdapat pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Antara aktiviti lain yang telah dijalankan oleh kumpulan Syababul Iman tersebut adalah Program Tahunan: 'Zero to Hero, Journey of a Muslim', Qiyamullail bulanan, aktiviti kemasyarakatan 'Syabab Prihatin' dan sebagainya serta 'Youth Protection Series'.



FORUM Perdana Bicara An-Nisa Siri Ke-3 dihadiri oleh para Muslimah dari seluruh tanah air.

Permohonan pengambilan Diploma 'Aliyah Qira'at kini dibuka

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) kini membukakan permohonan bagi pengambilan Diploma 'Aliyah Qira'at ITQSHHB Sesi 2017 - 2020 bermula 5 Jamadilakhir 1438H bersamaan 4 Mac 2017M.

Pengambilan Diploma 'Aliyah Qira'at ITQSHHB bagi Sesi 2017 - 2020 tersebut dibukakan kepada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap yang beragama Islam.

Pemohon-pemohon hendaklah memperolehi pangkat Jayyid (baik) sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) atau; 4 kredit dalam Brunei Cambridge GCE 'O' Level termasuk mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Pemohon mestilah lulus temu duga kemasukan dan mempunyai akuan kesihatan dari Pusat Kesihatan Kerajaan yang diiktiraf.

Bagi warganegara asing yang berminat dan berkelayakan bolehlah memohon dengan membuat permohonan bertulis kepada Pengerusi Lembaga ITQSHHB melalui Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Borang pendaftaran bolehlah diperoleh dari Bahagian Pentadbiran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA2112, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat dibuka.

Tarikh tutup mengembalikan borang ialah pada Sabtu, 26 Jamadilakhir 1438H bersamaan 25 Mac 2017M.

Sebarang keterangan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Pentadbiran, Diploma 'Aliyah Qira'at, ITQSHHB melalui talian +673 2226889.

Semai semangat patriotisme penuntut

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan siri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di Dewan Sekolah Menengah St. George, di sini.

Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat semasa menyampaikan taklimatnya menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah



TAKLIMAT Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' kepada para penuntut Sekolah Menengah St. George's disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ihsan Unit Kenegaraan

Peliharakan Sultan'.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera'.

Taklimat diakhiri dengan

penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada pihak sekolah.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera.

Program tersebut dihadiri oleh guru-guru dan seramai 88 penuntut Tahun 7.

PARA penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah St. George serta para guru ketika menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' (kiri).





فنديدين أنق ٢ تغكو ع جواب إيوباف

مسلمين يغ درحمي الله،

ماريله كيت منيكن كنكقوان كيت كشد الله سبحانه وتعالى دغن فنه كيقين دان كاخلاصن دغن ملاكو كن سكل سوروهن دان منيكن كن سكل لاراغن. مدهمدهن كيت منجادي انسان يغ برلمان دان برتقوى سرت سلامة ددنيا دان سلامة دآخرة.

مسلمين يغ درحمي الله،

سسكوهن الله سبحانه وتعالى مها فقاميه لايي مها فبايغ سننيسا مليمكهن نعمة يغ تيدق تركيرا دان ترهيتوغ بايقن كشد همبا ٢. سلاكو همبا الله سبحانه وتعالى، كيت واجيله منشكوري نعمة ترسبوت كران تنقا نعمة ترسبوت كيت تيدق موغكين دافة هيدوف بهكيا دان سجهزا ددنيا اين. ائثارا نعمة دان انكره الله يغ تله دامانهن كشد كيت اياله رزقي سقرت هرت بندا، واغ ريغكيت، ثمة تيغل، أنق دان ساومقامن. كحاضيران أنق اداله سبايكي فيري ددالم كهيدوفن بركلوارك خصوصن كشد فاسغن سوامي استري، إيوباف برتكو ع جواب منجاء أمانه الله سبحانه وتعالى اين دغن سبايكي ٢ دغن ميريكن مكانن، فكايين، ثمة تيغل دان يغ فاليع فتنيع اياله ميري فنديدين يغ سمقرنا كشد مريك، له ٢ لايي فنديدين أكام أكر مريك منجادي انسان يغ برأخلاق مليا. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة الزمر آية ٩:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسير:

كاتكنله: اداكه سام اورغ ٢ يغ مغتهوي دغن اورغ ٢ يغ تيدق مغتهوي؟ سسكوهن اورغ ٢ يغ دافة مغهيل فاجران هابه اورغ ٢ يغ مغهوي عقل يغ دافة ميكر كن دان مامهين.

سسكوهن اداله منجادي كواجفن إيوباف اتوق ميريكن فنديدين كشد أنق ٢ سقرت مغتهوي أنق ٢ مريك كسكوله اتوق منجاديكن مريك أنق ٢ يغ بركونا دان برجاي ددنيا دان دآخرة. اكام اسلام ساغة مغنجر كن أومتن سقاي منرفكن علم أكام كشد أنق ٢ سق كجيل لايي. سبايكيان سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم يغ دروايتكن اوله الإمام ابن ماجه: عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

مقصود:

درفد أنس بن مالك اي بركات: برسيدا رسول الله صلى الله عليه وسلم، منتوت علم اداله ساتو كفرضوان كاتس ستيف مسلم.

أكام اسلام اداله أكام يغ جوكون لغكف دان سمقرنا دمان فترفن فنديدين أكام أنق ٢ برمولا سق دالم كندوغن لايي. إيوب يغ مغندوغ اداله دكالقكن اتوق مباح آية ٢ سوجي القرآن سبايكي ديدقن روحاني كشد أنق ٢ دالم كندوغن مريك. ستله أنق دلاهيركن، سنة داذانكن قد تليغا كائن دان إقامة قد تليغا كيري أنق ٢ ترسبوت دان سنة جوك دباچكن سورة الإخلاص قد تليغا أنق ترسبوت سقاي كلمه يغ مولا ٢ ددغر اوله مريك ستله لاهير كدنيا اين اداله كلمه توحيد. دسمق ايت أخلاق يغ مليا جوك هندقله دسماي كحيوا أنق ٢ سدري مريك ماسيه كجيل لايي بك كات فقاته "ملتور يولو يارله دري ربوغن". كتهويله، جك جيو أنق ٢ ايت تله دديدين دان دسماي دغن أجانر أكام اسلام يغ قوا، إن شاء الله مريك اكن منجادي اورغ برلمان، جيتنا كشد الله دان رسولن، منجادي أنق يغ صالح، برقيتي كشد أكام، إيوباف، مشاركة، راج دان نكارا سرت منداقة كحيان هيدوف ددنيا دان دآخرة. اينله حسرة دان هارفن ستيف إيوباف ترهادف أنق ٢ مريك.

مسلمين يغ درحمي الله،

فنديدين علم فتهوان بوكن سهاج اتوق مناعنك أساس دالم مباح، مغيرا دان برتوتور، ماغن دافة ميسنو أنق ٢ ميسوايكن ديري دغن كهيدوفن هارين مريك. إيوباف سغكوف برلنجا دان مغلواركن بياي واغ ريغكيت يغ بايق دمي ماس دغن أنق مريك. ماغن اد يغ مغتهوي أنق ٢ كسكوله-سكوله دان اينستيتوسي ٢ فجاجين تيغكي يغ برباير دان اد يغ ترفقسا معحدكن فربلنجان اتوق فركارا ٢ لايين أسالكن أنق مريك منداقة فنديدين يغ تيغكي دان سمقرنا. الحمد لله، كراجان كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يغ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام تله ميريكن كمودهن إيلاون فاجران كشد فكاوي دان كاكيتاغن كراجان يغ مغتهوي أنق ٢ مريك كسكوله-سكوله دان اينستيتوسي ٢ فجاجين تيغكي سواستا سجاد ددالم ماهوفون دلوار نكارا. فركارا اين فانونله دشكوري دان منفعتكله إيلاون ترسبوت دغن سبايكي ٢. اكن تنافي اف يغ مغجواكن تردافة سبيلغن إيوباف تله مياهنكوناكن إيلاون فاجران ترسبوت دان مغكوناكن اتوق كفلوان لايين تنقا مغهواوكن فمبايران يورن سكوله سهيغك ميسكن فمبايران يورن سكوله أنق ٢ مريك ترنوغيغ. هوتغ يورن سكوله يغ ترنوغيغ منجادي بين كشد اينستيتوسي فنديدين سواستا يغ ستنتون مملوكن سومير كاواغن باكي مباير كاجي كورو، سبوا سكوله، فراسارانا سكوله دان سبايكن.

فركارا ساومقام اين تيدق سقانون برلاكو كران بنتوان يغ ديريكن ايت مروفانك سوات أمانه يغ واجب دسمقنك اتو دتونيكن. دغن جوك مدهمدهن أنق ٢ اكن منداقة كيركن دان كحيان دالم فمبلاجران مريك. كتهويله بهوا منجاء أمانه ايت اداله ساله ساتو صقة يغ ترفوجي ديسيي الله سبحانه وتعالى دان ائثارا جيري ٢ اورغ ٢ يغ برلمان دان كنجارن يغ دجنجيكن باكي اورغ مونيكن أمانه ايت اداله شرك. منكلا اورغ يغ تيدق

منجاء أمانه ٢ اداله اورغ ٢ يغ خيانه. اسلام ملارغ أومتن برلاكو خيانه. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة الأنفال آية ٢٧:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ

وَتَخُونُوا أَمْنَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسير:

واهي اورغ ٢ يغ برلمان! جاشله كامو مغحيانتي الله دان رسولن، دان جاشله كامو مغحيانتي أمانه ٢ (يغ دامانهن كشد) كامو، سدغ كامو مغتهوي.

مسلمين يغ درحمي الله،

فنديدين يغ سمقرنا أمة مستحق ديريكن كشد أنق ٢ كران تنقا اداث علم فتهوان كيت تيدق دافة ميبداكن داتارا بنر دان يغ ساله. إيوب باف مغهوي يغ تغكو ع جواب يغ بسر دان قرو مفسيتكن أنق ٢ مريك بلاجر دغن سمقرنا مغيكوت جارا فنديدين يغ دأجوركن اوله اسلام. أنق ٢ مسي دديدين دغن سمقرنا دان سابع يغ يات دنياوي دان أخواوي باكي ميسنوق جاتي ديري يغ منتف دان مسلم يغ سجاتي دان سينر. اينله أساس فنديدين اسلام يغ هاروس دسوبركن اوله إيوباف سقاي أنق ٢ بوله برقيتي كشد كلوارك، مشاركة، بغسا دان نكارا. ماريله كيت سام ٢ بردعاه سموك كيت سموا اكن منداقة كيركن دالم منجاري علم فتهوان، مدهمدهن دغن دمكين كيت اكن هيدوف بهكيا دان برجاي ددنيا دان دآخرة. أمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ

أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ

عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمُ

{ سورة العلق آية: ١-٥ }

تفسير:

باجله واهي نبي محمد دغن ميبوت نام توهنمو يغ منجيتانكن (سكلين مخلوق)، دي تله منجيتانكن مانسي درفد سكومقل داره بكو، باجله دان توهنمو مها فموره، يغ مفاجر (مانسي منوليس) دغن قلم (فينا)، دي مفاجر مانسي اف يغ تيدق دكهوين.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرِ اللَّهُ الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاةِ النَّائِبِينَ.

Negara sediakan Pelan Tindakan Isu OBK



PENOLONG Pengarah Bahagian Perkhidmatan Orang Berkeperluan Khas JAPEM Dayang Noryani binti Haji Abdul Rani menyampaikan ucapan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan sentiasa peka serta mengambil berat akan kesejahteraan semua rakyat dan penduduk di negara ini termasuk golongan orang berkeperluan khas (OBK).

Sebagai salah satu inisiatif dalam mendukung penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam United Nation Convention on the Right Persons with Disabilities (UNCRPD), satu majlis perasmian mesyuarat agung dengan kerjasama di antara Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan PRO-Temporary (PRO-TEM) Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di sini.

Menurut Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan OBK, JAPEM, Dayang Noryani binti Haji Abdul Rani, selaku tetamu kehormat majlis dalam ucapannya menjelaskan, golongan OKU merupakan golongan yang menghadapi pelbagai cabaran termasuk stigmatisasi dan diskriminasi sama ada secara ketara ataupun tidak. Melalui laporan-laporan, sebahagian besar daripada mereka di luar negara masih terpinggir, penghidupan susah, tidak mempunyai pendapatan, tidak mendapat rawatan kesihatan yang komprehensif dan tidak menikmati kemudahan seperti bangunan yang mesra OKU.

Namun Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jelasnya melalui pelbagai agensi dan jentera kerajaan sentiasa peka serta mengambil berat akan kesejahteraan semua rakyat dan penduduk, apatah lagi hal ehwal golongan insan istimewa, melalui usaha-usaha berterusan seperti penyediaan kemudahan rawatan kesihatan yang percuma lagi menyeluruh, sistem

pendidikan bersepadu, penyediaan sistem jaminan sosial atau *safety net* termasuk melalui pemberian dan agihan bantuan kewangan kepada golongan OKU serta usaha-usaha *multistakeholders* yang berkenaan dalam penyediaan prasarana dan kemudahan yang *disabled-friendly*.

Ini adalah terbukti dengan kurnia titah perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam secara rasminya telah meratifikasi United Nations Conventions on the Rights of People with Disabilities (CRPD) pada 14 April 2016 yang lalu.

"Tidak dinafikan bahawa komitmen pihak kerajaan terhadap golongan OKU bukan setakat itu sahaja, malahan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil inisiatif dengan menyediakan Pelan Tindakan Isu OBK untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh golongan ini atau Plan of Action for People with Disabilities (PWDs) specifically addressing the issues concerning PWDs."

Pelan Tindakan tersebut merupakan sebuah dokumen rangka kerja yang mengandungi inisiatif-inisiatif khusus untuk dilaksanakan oleh pelbagai agensi, jabatan dan kementerian yang merupakan ahli di dalam satu Jawatankuasa Khas di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS).

Selain itu tambahnya, ia juga merupakan wadah bagi isu OKU ditangani melalui pendekatan Whole of Government serta Whole of Society dan adalah di dalam perancangan MKIS untuk meneliti semula atau *me'review* Pelan Tindakan Isu OKU ini agar ia lebih selaras dan sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan harapan warga OKU di negara ini akan sama-sama dapat mencapai serta mengecapi kejayaan

Wawasan Negara nanti.

JAPEM turut melahirkan rasa syukur di atas penglibatan aktif persatuan-persatuan OBK di Negara Brunei Darussalam yang sentiasa berkerjasama erat dengan pihak kerajaan dalam meningkatkan taraf kehidupan warga OKU terutama sekali memberi peluang untuk penyertaan mereka dalam masyarakat.

Terdahulu menerusi ucapan alu-aluan Pengerusi PRO-TEM MKOKU, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab, juga selaku Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menyeru agar persatuan-persatuan kelainan upaya harus membuat tekad yang besar dan kental bagi memenuhi harapan JAPEM sebagai wakil masyarakat.

Harapan dan amanah JAPEM pada kita jelasnya, harus kita tanai bersama dengan menjadikan MKOKU ini sebagai satu lagi *success story* bukan sahaja bagi JAPEM, tetapi juga khusus bagi anak-anak, adik-adik, ibu bapa yang kita mahu ketengahkan di dalam masyarakat umum.

Namun terangnya, pengetengahan isu-isu OKU ini adalah satu agenda besar di dunia, dari itu MKOKU khususnya di dalam persatuan ini masing-masing mempunyai tanggungjawab, antara lain bagi pemeliharaan, pendidikan atau pertumbuhan jasmani orang-orang di bawah jagaan kita.

"Selain itu, kita juga perlu peka akan kehendak-kehendak organisasi bagi mengatasi isu-isu yang biasa melanda pertumbuhan-pertumbuhan yang kurang telus dan perlunya kita sentiasa cuba untuk mengamalkan *best-practices* yang sudah menjadi amalan biasa di dalam negara-negara yang membangun," ujarnya lagi.

Mesyuarat Agung Tahunan itu adalah buat julung kalinya diadakan dan sekali gus acara pengundian bagi Pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi MKOKU yang akan



AHLI-AHLI dari Persatuan-Persatuan Orang Berkeperluan Khas dalam sesi perbincangan sesama sendiri bagi pencalonan dan lantikan Ahli Jawatankuasa Tertinggi MKOKU.

Mangsa mati lemas ditemui

Siaran Akhbar : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Seorang budak lelaki, Awang Muhd. Izzat Irwandi bin Zulkifli, 10 tahun telah didapati lemas ketika mandi di Pantai Danau, Telisai pada 3 Mac lalu.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Bomba dan Penyelamat, panggilan kecemasan diterima pada pukul 7.26

malam dan dua buah jentera bomba masing-masing dari Balai Bomba Bukit Beruang dan Unit Penyelamat Bomba Berakas bergegas ke tempat kejadian bagi mencari mangsa.

Usaha mencari di persisiran terus dijalankan dan mangsa hanya ditemui pada 4 Mac kira-kira jam 4.22 petang dari udara, iaitu dua kilometer dari

tempat kejadian oleh helikopter Tentera Udara Diraja Brunei. Pada jam 5.52 petang, mayat mangsa dijumpai oleh orang awam di Pantai Kampung Sungai Liang dan anggota penyelamat terus membawa mangsa ke Hospital Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Ibu mangsa, Dayang Nurizzati binti Husin dalam keterangannya menyatakan bahawa anak beliau telah lemas di perairan Pantai Danau ketika mandi-manda.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Othman

mengambil tanggungjawab memulakan memimpin hala tuju dan hal-hal kebajikan terhadap sembilan buah Persatuan OKU di Negara Brunei Darussalam.

MKOKU merupakan badan induk dan satu-satunya suara rasmi bukan kerajaan bagi persatuan-persatuan OKU.

Dengan adanya pengundian bagi Pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi MKOKU diharap ahli-ahli yang dilantik akan dapat menerajui akan tugas dan tanggungjawab mereka bagi sama-sama mendukung MKOKU dalam menengahkan hak-hak

kepentingan golongan OKU agar ia diberikan hak yang saksama.

Melalui MKOKU berkenaan juga akan berusaha untuk membangunkan satu masyarakat yang *inclusive*, di mana hak-hak dan kesejahteraan OKU akan dapat diiktiraf, diterima, dimajukan dan dipertahankan dengan saksama serta terpelihara dengan adil.

Melalui sokongan yang teras daripada semua yang hadir dan lebih-lebih lagi golongan OKU di negara pada MKOKU, akan dapat mengukuh dan meningkatkan lagi kerjasama yang sememangnya telah sedia ada bersama pihak kerajaan.

Bincang hala tuju Pengawasan Kejiranan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Daerah Polis Brunei Muara telah mengadakan beberapa aktiviti bersama ahli Pengawasan Kejiranan di bawah jagaannya dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan di tempat kawasan jagaannya serta kebajikan ahli Pengawasan Kejiranan.

Sehubungan itu, perjumpaan fasa pertama tahun 2017 bersama Penghulu dan Ketua-ketua Kampung bagi Mukim Sengkurong telah diadakan di Balai Polis Sengkurong.

Perjumpaan tersebut telah dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Sengkurong, Inspektor Awang Haji Khairul Hazmi bin Haji Abd. Halim.

Turut hadir, Penghulu Mukim

Sengkurong, Awang Haji Musa bin Haji Tahir serta Ketua Kampung-Ketua Kampung di bawah Mukim Sengkurong, iaitu Ketua Kampung Sengkurong 'A', Awang Haji Abdullah Hanif bin OKMD Haji Saman; Ketua Kampung Mulaut, Awang Haji Mohammad Jait bin Hitam; Ketua Kampung Kulapis, Awang Haji Timor @ Maamor bin Limbang; Ketua Kampung Lugu, Awang Salim bin Adi; Ketua Kampung Tanjung Nangka, Awang Latat bin Nawang dan Ketua Kampung Jerudong, Awang Haji Mohammad Rais bin Haji Ishak.

Perjumpaan tersebut antara lain membincangkan hala tuju Pengawasan Kejiranan di mukim berkenaan dan juga pencapaian yang dikongsikan pada tahun 2016.

Rondaan pencegahan jenayah Balai Polis Sengkurong bersama Pengawasan Kejiranan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Balai Polis Sengkurong telah mengadakan rondaan pencegahan jenayah bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Lugu / Katimahar.

Sebelum rondaan dijalankan, taklimat telah diadakan di rumah Ketua Kampung Lugu / Katimahar, Awang Salim bin Adi.

Hadir bagi mengetuai operasi tersebut ialah Penolong Pegawai

Menguasa Balai Polis Sengkurong, Inspektor Awang Haji Khairul Hazmi bin Haji Abd. Halim bersama anggota polis seramai enam orang.

Seramai lapan ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Lugu / Katimahar menyertai rondaan yang dijalankan tertumpu di seluruh kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dan Perumahan Kampung Lugu dan menuju ke Kampung Katimahar.

Pembarigaan kesan penyalahgunaan dadah

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Balai Polis Berakas telah mengadakan lawatan ke Biro Kawalan Narkotik bersama Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan di bawah jagaan Balai Polis Berakas.

Lawatan tersebut diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Berakas, Penolong Penguasa Polis Dayang Rumaizah binti Haji Ahmad bersama 17 anggota Balai Polis Berakas dan ahli-ahli Pengawasan Kejiranan dari beberapa buah

kampung seramai 12 orang.

Tujuan lawatan diadakan bersama ahli-ahli Pengawasan Kejiranan adalah untuk menambah ilmu pengetahuan tentang Akta Penyalahgunaan Dadah dan mengenal jenis-jenis dadah yang terkawal serta kesan-kesannya.

Dengan adanya lawatan tersebut ia juga dapat membantu ahli Pengawasan Kejiranan membarigakan kepada penduduk setempat kesan pengambilan dan penyalahgunaan dadah.

Smarter Brunei menerima sumbangan hasil Larian Hari Habitat Sedunia



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah (tengah) menyerahkan sumbangan berjumlah BND24,628.19 kepada Presiden Smarter Brunei, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman (kiri).

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Hampir 2,000 peserta menyertai larian dan ekspedisi berbasikal amal bersempena dengan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2016 / 2017 anjuran Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Empowered Entrepreneur Services yang bermula dan berakhir di kawasan ibu pejabat jabatan berkenaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini.

Beberapa kategori larian merangkumi 21 Kilometer (Km), 5Km dan larian 3.5Km 'Fun Run' dan acara ekspedisi berbasikal diadakan pada acara berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan pelepasan peserta larian 21Km ialah Menteri

Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah yang kemudiannya juga menyertai Ekspedisi Berbasikal.

Acara juga diselenggarakan dengan penyerahan sumbangan berjumlah BND24,628.19 dari tetamu kehormat kepada Presiden Smarter Brunei, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman.

Sumbangan tersebut merupakan hasil sumbangan peserta dan juga 20 peratus dari yuran penyertaan peserta yang mengikuti acara berkenaan.

Johan bagi Kategori 21Km Terbuka Lelaki dan Wanita masing-masing disandang oleh James Gurunga Karam dan Dayang Shaaatul Wardah binti Haji Ramli.

Manakala johan bagi Kategori 21Km Veteran Lelaki dan Wanita pula

diraih oleh Awang Suhaili bin Haji Nayan dan Airince Liam.

Menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang 21Km Veteran Lelaki ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar. Manakala hadiah kepada pemenang 21Km Terbuka Wanita disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Perumahan, Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Mohammad, manakala Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin menyempurnakan penyampaian hadiah bagi pemenang 21Km Terbuka Lelaki.

Sementara itu, Setiausaha Tetap, Pentadbiran dan Kewangan, Awang Haji Mohammad Lutfi bin Abdullah pula menyempurnakan penyampaian hadiah bagi pemenang 21Km Veteran Wanita.

Para pemenang Kategori Terbuka Lelaki dan Wanita 21Km dan Kategori Veteran Lelaki dan Wanita 21Km masing-masing membawa pulang hadiah dan wang tunai.

Tujuan utama acara tersebut diadakan adalah bagi mengamalkan cara hidup yang sihat dan cergas dengan melibatkan diri dalam kegiatan sukan dan riadah secara berterusan, di samping untuk mengumpul sumbangan yang akan disalurkan kepada Smarter Brunei.

Dalam pada itu, johan bagi Kategori 21Km Terbuka Wanita, Dayang Shaaatul Wardah semasa ditemui Pelita Brunei menjelaskan, kemenangan tersebut merupakan kali pertama bagi beliau.

Menurutnya, beliau tidak menyangka akan memperolehi kemenangan yang diraihnya hari ini. "Pada awalnya saya cuma menyertai sahaja larian berkenaan bagi sama-sama memeriahkan acara larian tersebut," jelasnya.

Menyentuh mengenai persiapan

sebelum menyertai larian ini, beliau sering mengadakan latihan dan juga

sering menyertai acara larian yang diadakan di negara ini.

Pameran Makanan ASEAN meriahkan Bandarku Ceria



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (dua, kanan) dan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin (dua, kiri) hadir pada Program Bandarku Ceria yang mempamerkan Makanan ASEAN dari negara Malaysia dan Republik Indonesia.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Program Bandarku Ceria yang diadakan setiap minggu bertujuan untuk menghidupkan suasana Bandar Seri Begawan dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik dan unggul.

Bandar Seri Begawan merupakan sebuah bandar dalam taman (*garden city*) dan mempunyai alam sekitar yang bersih, cantik dan bebas daripada pencemaran.

Oleh itu, bagi mencapai visi program tersebut, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui beberapa kementerian dan agensi serta pihak yang berkepentingan telah mengambil inisiatif hari tanpa kereta pada setiap hari Ahad.

Hari ini, sempena acara baton yang berakhir di ibu negara, pameran

Makanan ASEAN yang dipamerkan oleh negara Malaysia dan Republik Indonesia turut memeriahkan Bandarku Ceria.

Turut serta menyaksikan pameran dan pelbagai aktiviti sempena Bandarku Ceria pada hari ini ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin.

Program Bandarku Ceria terus mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak terutama para penaja yang mencari pendapatan serta orang ramai yang ingin mengisi masa lapang mereka bersama keluarga dengan melakukan aktiviti riadah hujung minggu.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof meninjau suasana Bandarku Ceria. Juga hadir Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin.

Kelebihan taman-taman syurga

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Menurut hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah diriwayatkan oleh Ibnu Umar, Raudah membawa maksud taman-taman syurga atau turut disebut juga majlis-majlis zikir atau membesarkan Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala dalam hadis yang lain turut menyatakan ia merupakan perkumpulan di majlis-majlis zikir membesarkan kebesaran Allah yang juga dihadiri oleh para malaikat-malaikat pembawa rahmat.

Demikian antara isi kandungan tazkirah yang bertajuk 'Raudah' yang disampaikan oleh penceramah daripada Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Zofri bin Pengiran Haji Hidup yang diadakan di Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Beliau dalam tazkirah berkenaan turut menyatakan beberapa kelebihan menghadiri atau berada di majlis-majlis zikir yang setentunya diliputi dengan rahmat dan seterusnya akan timbul ketenangan pada diri mereka yang hadir, di samping mendapat keampunan dari Allah Subhanahu

Wata'ala seumpama berada di taman-taman syurga Allah.

Dengan berada di taman-taman syurga tambahnya, akan memudahkan kita untuk masuk ke syurga Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara yang hadir pada tazkirah yang merupakan sebahagian daripada Program Masjidku Makmur Negara Berkat yang diadakan selepas menunaikan Sembahyang Fardu Subuh ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Juga hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para jemaah masjid tersebut.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa mendengarkan tazkirah bertajuk Raudah yang disampaikan oleh Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Zofri bin Pengiran Haji Hidup.

NBD destinasi pertama Larian Baton Bangkit Bersama

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhamad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

"Kami tidak menyangka dengan respons yang memberangsangkan daripada orang ramai terhadap larian ini terutama daripada legenda-legenda sukan Negara Brunei Darussalam serta atlet-atlet paralimpik. Susunan program juga sangat kemas," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam diberi penghormatan sebagai negara pertama menjayakan larian baton berkenaan atas faktor kesesuaian memandangkan negara ini merupakan antara negara jiran yang paling dekat dan mempunyai rumpun yang sama dengan Malaysia.

"Ini selaras dengan tema larian

baton ini, iaitu Bangkit Bersama," ujar Yang Berhormat.

Beliau memberitahu, larian baton peringkat kedua akan diadakan pada minggu hadapan di Manila, Filipina.

"Saya difahamkan bahawa pada masa ini, mereka juga sedang giat dalam membuat persiapan bagi larian baton di sana yang dijangka akan disambut dengan meriah," ujar Yang Berhormat Khairy.

Yang Berhormat berkata, pihak sekretariat telah menerima maklum balas yang positif dari kesemua 10 negara destinasi di Asia Tenggara yang akan berlangsungnya larian baton itu nanti.

Juga hadir pada sidang media itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang



MENTERI Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin (tiga, kanan) memberi penerangan pada Sidang Media. Turut hadir pada Sidang Media tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (empat, kanan).

Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Haji Affendy

bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan, Nik

Abdul Kadir bin Nik Mohamad dan Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafry bin Haji Mohamed.

Cermin semangat perpaduan negara-negara Asia Tenggara



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (empat, kiri) dan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin (lima, kiri) ketika bergambar ramai berlatarbelakangkan keindahan Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mac. - Larian Baton Bangkit Bersama atau The Rising Together Baton Run sempena Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9 (Kuala

Lumpur 2017) bermula di negara ini dan akan berakhir di Kuala Lumpur, Malaysia pada 14 Mei 2017.

Sehubungan itu, majlis penyerahan baton sejauh 7.5 kilometer yang

dibawa oleh pemenang pingat emas di Sukan Para ASEAN Tahun 2015, Awang Sahri bin Haji Jumat yang diiringi 20 pelari sokongan berakhir di garisan penamat di Cendera Lambang Kenangan, Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara, di sini.

Baton kemudiannya diserahkan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan seterusnya diserahkan kepada Menteri Belia dan Sukan, Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin.

Menteri Belia dan Sukan, Malaysia menyerahkan baton tersebut kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Meynardo LB. Montealegre.

Sejurus selepas itu, Menteri Belia dan Sukan, Malaysia, Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin menyempurnakan penyampaian replika kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang

Oleh : Nooradini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Objektif larian baton adalah untuk mempromosikan temasya Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9 (Kuala Lumpur 2017) dalam kalangan negara peserta di rantau Asia Tenggara.

Ia juga bagi menggalakkan gaya hidup dan budaya sukan ke arah kecergasan serta mencerminkan semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan negara-negara Asia

Tenggara melalui sukan.

Acara baton itu diserikan lagi dengan tarian daripada bekas peserta Program Kapal Belia dan penari-penari kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), pancaragam dari Jabatan Penjara serta gulingtangan yang dibawakan oleh orang-orang bekeperluan khas, selain ia turut dimeriahkan dengan jualan ASEAN Food Festival dengan kerjasama semua kedutaan besar dan suruhanjaya tinggi negara-negara ASEAN di negara ini.



ACARA Larian Baton yang bermula dari Stadium Negara Hassanal Bolkiah menuju ke Bandar Seri Begawan (atas, kanan) dan majlis penyerahan baton dengan suasana Masjid Omar 'Ali Saifuddin (atas).



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelita-brunei.gov.bn

MMN SEBAGAI SYURA PERBINCANGAN, PERMUAFAKATAN

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.